

## **MEMBINA KETAMADUNAN BANGSA : MENGURUS GELAGAT MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Hasan Bahrom

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu

*Abstrak:* Al-Qur'an menyebut manusia diciptakan dari lelaki dan perempuan, terdiri dari pelbagai bangsa dan puak, untuk manusia saling mengenal. Perbezaan kejadian yang diciptakan oleh Allah swt ini, memberi ruang kepada manusia mencipta kepelbagaian rupa bentuk budaya, citarasa, tingkahlaku, kemahuan dan tatakelakuan. Kepelbagaian gelagat manusia ini harus diurus dengan baik dan beradab. Kesilapan mengurus gelagat manusia akan mengakibatkan berlakunya kepincangan pembangunan dan pembinaan tamadun sesuatu bangsa atau negara. Allah swt mengutuskan setiap kaum seorang Rasul ada hubungkaitnya dalam menangani gelagat manusia yang beraksi pada zamannya, Allah swt menyebut "sesungguhnya kami utuskan setiap kaum itu seorang Rasul...". tugas bagi rasul ini telah diperkatakan oleh Rasulullah untuk membaiki dan menyempurnakan akhlak. Sejarah memperlihatkan keupayaan Rasulullah saw mencipta sejarah kejayaan membina tamadun bangsa dan negara, sehingga dilihat sebagai sebuah negara yang baik dan diredai Allah swt. Kejayaan itu sebenarnya telah memberi nafas baru kepada rupa bentuk bangsa dan peradaban manusia. Corak pengurusan Rasulullah saw itu amat signifikan dijadikan model untuk membina sebuah tamadun bangsa. Apakah teori dan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah saw dalam membina tamadun bangsa. Apakah corak dan budaya mengurus yang dipakai oleh Rasulullah saw dalam membina negara bangsa terdapat dalam sistem pengurusan kita? Sejauh mana keserasian teori mengurus gelagat manusia yang diaplikasikan oleh Rasulullah saw pada zamannya dapat digunapakai dalam sistem pengurusan gelagat manusia semasa. Kertas ini akan cuba mencungkil beberapa asas teori mengurus gelagat manusia yang telah diketengahkan oleh Rasulullah saw dapat digunapakai dan relevensinya dalam sistem pengurusan gelagat manusia semasa. Dan sejauh mana sistem pengurusan Rasulullah saw telah digunapakai dalam sistem pengurusan gelagat manusia semasa.

### **PENDAHULUAN**

Manusia adalah makhluk yang sempurna dijadikan oleh Allah swt. Kesempurnaan manusia dapat dilihat dari aspek proses kejadian dan pemilikan cirinya seperti nilai akal, corak fizikal dan nilai rohani. Sekalipun manusia mempunyai semua sifat itu, tetapi manusia dijadikan oleh Allah swt berbeza antara satu sama lain. Perbezaan kejadian manusia amat ketara dari aspek fizikal, sekurang-kurangnya mereka berbeza dari aspek struktur bentuk badan, warna kulit, dan kekuatan. Berbeza dalam aspek keupayaan mental, sekurang-kurangnya berbeza dari aspek gaya berfikir, tutur bahasa dan ilmu pengetahuan. Berbeza dari aspek nilai kerohanian atau kemahuan termasuklah aspek perasaan, keinginan dan cita-cita. Juga berlaku perbezaan dari aspek tingkah laku yang membawa kepada perbezaan watak, tatakelakuan, komunikasi dan peradaban. Ketidak serupaan inilah memberi gambaran bahawa setiap manusia ada mempunyai kelebihan dan kekurangan yang menyebabkan manusia itu saling memerlukan antara satu sama lain.

#### *Gelagat Manusia*

Gelagat atau kelakuan manusia yang boleh juga diertikan dengan sikap atau perangai dan tindakan juga berlaku perbezaan. Perbezaan gelagat atau kelakuan manusia tidak boleh dianggap remeh dalam kehidupan bermasyarakat atau bernegara, kerana merekalah yang akan mencorak arah aktiviti dan kepimpinan sesebuah negara. Persoalan biografi seperti umur, jantina, pelajaran, bangsa, kebolehan dan personaliti memberi kesan kepada gelagat manusia. Setiap manusia mempunyai sifat, sikap, gaya dan cara tersendiri atau personaliti apabila berhadapan dengan sesuatu persoalan. Ahli psikologi berpendapat manusia akan cuba mengemukakan dan menonjolkan perkara-perkara tertentu yang ada dalam diri mereka. Aksi tersebut hasil daripada integrasi organisasi yang dinamik merangkumi aspek fizikal, mental dan kualiti sosial mencetuskan bagaimana individu itu akan bereaksi terhadap dirinya orang lain dan objek sekeliling.

J F Skinner (1955) [5] berpendapat hubungan antara personaliti dengan tatakelakuan amat rapat, malah ia tidak boleh dipisahkan. Bagi beliau kelakuan seseorang boleh dilihat ketika ia berinteraksi dengan persekitaran. Menurut Freud, (1953) [2] personaliti adalah ciri dinamik yang mengandungi tiga komponen iaitu id, ego dan superego yang saling mempengaruhi antara satu sama lain bagi mengawal kelakuan manusia. Pada Freud personaliti seseorang dibina atas asas mencari keseronokan yang maksima dan meminimalkan kesakitan. Sementara ego mencari kenyataan yang boleh dimengahkan dan superego mencari kesempurnaan. Untuk memenuhi ketiga-tiga keinginan tersebut menurut Freud akan berlakulah konflik dan ketegangan dalam diri yang akan memberi kesan kepada persekitarannya. Lebih *specific* tentang pertumbuhan manusia ini diperkatakan oleh E H Erikson (1955) [1] yang telah membahagikan personaliti manusia kepada lapan peringkat, dan peringkat perkembangan itu menunjukkan sesuatu yang berlainan yang menentukan corak dan budaya berfikir serta berinteraksi seseorang. Iaitu bayi awal baru lahir sehingga 1 tahun yang mempunyai ciri percaya dan tidak percaya, bayi hujung antara umur 1 hingga 3 tahun yang bersifat autonomi, malu dan rayu, peringkat kanak-kanak awal berumur antara 4 – 5 tahun yang mempunyai sifat inisiatif dan bersalah, kanak-kanak pertengahan yang berumur antara 6 – 11 tahun bersifat rajin dan rasa rendah diri, peringkat belia berumur antara 12 – 20 tahun yang mempunyai sifat ego dan kekeliruan peranan, peringkat umur dewasa awal umur antara 20 – 40 tahun yang bersifat rapat dan bersaing, peringkat dewasa berumur 41 – 65 bersifat bergerak dan berhenti dan peringkat dewasa hujung berumur 65 tahun ke atas bersifat berpadu dan bercerai. Pendapat yang dikemukakan oleh Erikson diperhalusi oleh Gail Sheehy (1964) [4] yang mengemukakan lima krisis kemajuan orang dewasa yang menjadi titik perubahan dalam kehidupan manusia iaitu peringkat mula berdikari iaitu berumur antara 18 – 22 tahun pada peringkat ini seseorang itu baru menerima kebebasan daripada ibu bapa, iaitu mereka tidak lagi terikat atau bergantung kepada kedua ibubapa mereka, peringkat dua puluhan, pada peringkat ini seseorang itu akan membampai peluang mengikut arah yang mereka atuju atau cita-citakan, peringkat mencapai 30an pada peringkat ini mereka menentukan atau memperbaharui iltizam, peringkat dekat tempoh tamat iaitu berumur 35 – 45 tahun iaitu satu persimpangan dalam hidup mereka dimana seseorang itu perlu memeriksa dan melihat semula arah tujuan yang mereka akan lalui seta membuat rancangan terperinci dan peringkat pembaharuan atau peletakan iaitu pertengahan umur 40 an biasanya zaman ini masa kestabilan dan mempertahankan apa yang ada.

Satu lagi teori yang selalu digunakan untuk mengatakan manusia itu berbeza adalah teori Humanistik yang melihat manusia merupakan makhluk yang mulia dan mempunyai kreativiti untuk membuat pilihan maktumbalas. Ahli humanistik percaya manusia mempunyai motivasi bukan sekadar untuk hidup tetapi juga untuk mencapai potensi diri yang tertinggi sekali. Menurut Carl Rogers (1942) seorang ahli teori humanistik diri seseorang itu berupaya untuk mendapat harmoni dalaman, dan berfungsi sepenuhnya apabila dia telah mencapai keterbukaan terhadap perasaan dan pengalaman serta belajar untuk perdaya kepada intuisi. Teori Rogers ini dilihat sebagai teori yang dinamik kerana beliau menyatakan imej diri sendiri adalah sebagai penentu utaka untuk kelakuan dan penyesuaian personal, sekaligus manusia bertindak berdasarkan imej mereka sendiri.

Satu lagi teori yang hampir bersamaan dengan apa yang diperkatakan oleh Rogers ialah teori sifat semula jadi yang diungguli oleh Allport dan Odbert (1937) yang melihat setiap orang mempunyai latarbelakang dan pengalaman yang unik, dan setiap orang mempunyai satu set kelakuan semulajadi yang agak jelas pada dirinya, walau bagaimanapun terdapat kelakuan mereka bersamaan dengan orang lain. Pada Allport nilai semulajadi manusia ini boleh dibahagikan kepada umum, kardina, teras dan sekunder. Sifat semula jadi umum biasanya boleh didapati melalui kebudayaan. Nilai ini menerangkan persamaan di antara orang dalam sesebuah negara atau latarbelakang linguistik. Bagi Allport dengan mengkaji ciri semulajadi, dapat menyelongkar apa yang betul mengenai personaliti individu secara umum.

### *Islam dan Manusia*

Al-qur'an telah menyatakan secara jelas dan semula jadi manusia dijadikan berbeza, sekalipun pada asalnya manusia itu daripada punca yang satu iaitu Adam as, namun setelah berlakunya pembiakan, akhirnya manusia lahir dalam keadaan berbeza. Terdapat beberapa ayat al-Qur'an yang menyatakan sedemikian rupa. Antaranya manusia dijadikan laki-laki dan perempuan, bersuku-suku dan berpuak-puak perkara ini dinyatakan dalam surah al-hujurat ayat 13 yang bermaksud " hai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang palinb bertaqwa antara kamu".

Lebih ketara lagi Allah swt menyatakan bahawa kejadian manusia itu berbeza antara satu sama lain sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Mukminun 14, bermaksud : “ kemudian Kami jadikan dia makhluk yang berbentuk lain.....”. Dalam aspek yang lain Allah swt menyatakan manusia juga berbeza dari aspek sifat kehendak dan kemahuan, keinginan dan cita-cita ini diungkapkan oleh Allah swt dalam surah al- ma`arij ayat 19-21 bermaksud “ Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir, apabila ia ditimpa kesusahan ia mengeluh, dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir”. Allah swt juga menceritakan bagaimana sikap manusia itu dikelilingi oleh nilai-nilai keinginan yang baik dan sekiranya nilai tersebut tidak diurus dengan baik ia akan menjadi kesan yang tidak baik kepada manusia, sama ada secara individu, masyarakat dan bernegara Firman Allah swt dalam surah Ali Imran ayat 14, bermaksud; dan dijadikan indah pada pandangan manusia kecintaan kepada apa-apa yang diinginkan, iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banya dari jenis emas, perak kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang...

Berdasarkan kepada sifat tersebutlah, ketika mana Allah swt hendak mengutuskan Adam as sebagai khalifah di bumi, secara lansung telah dipertikaikan oleh Malaikat atas ketidak yakinan mereka terhadap manusia sama ada. Mereka mampu ataupun tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut firma Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat ke 30 bermaksud. “ ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat:”sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi, Mereka berkata: Mengapa engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentias berasbih dengan memuji Engkau dan mencucikan Engkau. Tuhan berfirman: Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”justeru itu Allah swt tidak teragak-agak untuk mengajar Adam semua perkara. Ini dapa dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 31, bermaksud:” dan dia telah mengajarkan kepada Adam nama-nama [benda] seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman. Sebutkanlah kepada Ku nama benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar.”

Malaikat mempertikaikan perlantikan manusia sebagai penguasa atau pentadbir alam [khalifah] bukan bermaksud mempertikaikan keilmuan dan kekuasaan Allah swt. Tetapi atas dasar ketidakpercayaan Malaikat terhad sifat yang dimiliki oleh manusia yang boleh membawa kepada perpecahan, permusuhan dan perbalahan sesama sendiri. Keyakinan Malaikat tersebut mempunyai asas yang tersendiri berdasarkan firman Alah swt juga yang membayangkan tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam diri manusia itu sendiri antaranya yang dinyatakan oleh Alah swt ialah. Mementingkan diri sendiri ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah Yunus ayat 12 bermaksud ‘ dan apabila manusia ditimpa bahaya dia berdoa kepada kami dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah kami hilangkan bahaya itu daripadanya, dia [kembali] melalui [jalannya yang sesat], seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada kami untuk [menghilangkan] bahaya yang telah menimpanya. Begitulah orang-orang yang melampaui batas itu memandang baik apa yang selalu mereka kerjakan”. Sifat manusia juga sering melakukan keburukan dan manusia adalah makhluk ang tidak sabar dan gopoh atau tergesa-gesa dalam melakukan keputusan ini dapat dilihat dari firman Aah swt dalam suah al-Anbia ayat 37 bermaksud “ manusia telah dijadikan [bertabi`at] tergesa-gesa kelak akan aku perlihatkan kepada kamu tanda-tanda [azab] ku. Maka janganlah kamu meminta kepada ku mendatangkan segera”.

Manusia juga tidak akan bersyukur dengan nikmat yang Allah swt berikan kepada mereka ini dapat dilihat dari surah al-Isra ayat 67 bermaksud “ dan apabila kamu ditimpa bahaya di lautan, nascaya hilanglah siapa yang kamu seru, kecuali Dia, maka tatkala Dia meyelamatkan kamu ke daratan, kamu berpaling. Da manusia itu adalah selalu tidak berterima kasih”. Manusia juga mempunyai sifat tamak dan pendendam ini dapat dilihat dari surah al-Isra ayat 100 bermaksud “ katakanlah “ kalau seandainya kamu menguasai perbandaharaan-perbandaharaan rahmat Tuhanku, nascaya perbandaharaan itu kau tahan, kerana takut membelanjakana. Dan adalah mausia itu sangat kikir.” Manusia juga mempunyai sirat suka membantah surah al-kahf ayat 54 menyebut begitu, firman Allah swt bermaksud “ dan sesungguhnya kami telah mengulangi-ulangi bagi manusia dalam al-Qur`an ini bermacam-macam perumpamaan. Dan manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah.’ Dan manusia mempunyai sifat zalim, bodoh dan suka menzalimi orang lain dalam surah al-Ahzab ayat 72 menyatakan begitu. Firman Allah bermaksud “sesungguhnya kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka sesmuanya engan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zali dan amat bodoh”.

Malik Bennabi [3] menyatakan manusia mempunyai beberapa kelemahan diantaranya kelemahan yang terdapat pada diri manusia adalah kelemahan berfikir dan bertindak, kelemahan semangat dan gerak tindak, kelemahan moral, sosial dan politik serta kelumpuhan moral yang menyebabkan kelumpuhan intelek. Dari berbagai kelemahan manusia ini akan menimbulkan kepelbagaian rupa bentuk tindakan yang boleh menyebabkan berlakunya ketidak tentuan hidup manusia. Sejarah telah memaparkan jatuh dan banggunya sesuatu bangsa, kesan daripada nilai dan peradaban manusia yang berhubungan antara satu sama lain. Peraturan-peraturan yang wujud melengkari kehidupan manusia sejak dulu adalah manifestasi daripada keinginan manusia untuk saling hidup bersama dalam keadaan aman, sekalipun pada satu-satu ketika peraturan yang diciptakan itu hanya untuk melindungi golongan yang kuat tanpa memikirkan untuk kepentingan golongan yang lemah.

## PERBINCANGAN

### *Dasar Mengurus Gelagat Manusia*

Manusia dicipta oleh Allah swt, pada hakikatnya segala gerak geri dan tindak tanduk manusia telah ditentukan oleh Allah swt. Manusia tidak boleh mencipta gerak tindak yang berbeza dengan tingkahlaku yang telah ditetapkan oleh penciptanya. Kerana Allah swt yang menentukan manusia hanya melaksana. Allah swt telah menentukan peraturan, dan peraturan Allah swt adalah yang terbaik daripada peraturan ciptaan manusia. Terlepasnya ikatan manusia dengan Allah swt memberi sebab manusia tidak boleh dikawal atau tidak akan mampu untuk mengawal dirinya. Allah swt telah memberi jaminan yang jelas gelagat manusia yang terikat dengan peraturan Allah swt memberi implikasi selamat di dunia dan di akhirat. Al-Baqarah ayat 138 mengungkapkan “ sibhatullah [peraturan Allah] dan siapakah yang lebih baik sibghahnya daripada Allah ?, dan hanya kepadaNya kami menyembah”.

Gelagat manusia harus diurus mengikut peraturan Allah swt. Allah swt telah mencipta beberapa dasar yang sesuai untuk mengurus gelagat manusia yang berbagai sekalipun pada sifatnya manusia itu berbeza namun terdapat nilai-nilai yang wujud dalam diri dan jiwa manusia itu bersamaan yang boleh dipertemukan malah ianya saling memperkukuh antara satu sama lain. Antara dasar yang dikemukakan oleh Allah swt berdasarkan al-Qur’an ialah;

Syura, iaitu dialog, mesyuarat, diskusi dan perbincangan adalah salah satu dasar yang terpenting dalam mengurus gelagat manusia. Tuntutan syura terdapat dalam al-Qur’an surah Ali Imran ayat 159 dan surah al-Syura ayat 36 – 38. tanpa syura manusia akan bertindak secara bersendirian, yang boleh menyebabkan pandangan atau pendapat serta tindakannya boleh jadi bercanggah dan tidak sesuai dengan kehendak masyarakat umum. Kerana individu mempunyai pandangan, keinginan dan kecenderungan tertentu yang kadang-kadang tidak secukup dengan keperluan umum. Apabila berlakunya perbincangan dan banyak pemikiran yang timbul pastinya ada diantara pemikiran itu yang terbaik untuk dijadikan kata sepakat dalam pandangan tersebut pastinya akan mengurangkan kepincangan, menutup kelemahan dan menimbulkan kekuatan dalam menyelesaikan masalah umat pada keseluruhannya. Kerana itu ulama mengariskan syura wajib dilaksanakan untuk mendapatkan sesuatu keputusan bagi menyelesaikan masalah umat, sama ada dalam urusan peribadi, urusan keluarga, urusan masyarakat dan urusan Negara.

Al-Qur’an telah membawa satu gambaran yang baik tentang pemerintahan yang adil dilaksanakan berdasarkan syura, dengan membawa contoh Ratu Saba [Balqis] yang dikejutkan dengan surat Nabi Sulaiman. Firman Allah swt bermaksud “ wahai para pembesar, berilah aku pendapat dalam urusanku, aku tidak pernah memutuskan sebarang persoalan sebelum kamu berada di dalam manlisku. Mereka menjawab; kita adalah orang-orang yang mempunyai keberanian yang tinggi [ di dalam peperangan] dan keputusan ada ditanganmu, maka pertibangkanlah apa yang kamu perintahkan”. [ Nahl : 32-35]. Tindakan pemesyuaratan ini telah membawa kepada keislaman Ratu Balqis di tangan Nabi Sulaiman as. Dengan keputusan itu kaum bani saba di bawah pimpinan Ratu Balqis terselamat daripada peperangan. yang mungkin berlakunya kemusnahan.

Dalam aspek lain pula al-Qur'an telah mengemukakan pemerintah yang tidak melakukan mesyuarat dalam urusan penting dalam pemerintahannya melainkan dengan kroninya akan berhadapan dengan kemusnahan. Ini dapat dilihat dalam kisah Fir'aun bersama dengan Musa as, ketika Musa berdialog denganya. Malah Fir'aun mengancam akan memenjarakan Musa as. Firman Allah swt bermaksud "... Fir'aun berkata kepada para pembesar yang berada disekelilingnya, sesungguhnya Musa ini benar-benar seorang ahli sihir yang pandai, ia hendak mengusir kamu dari negeri kamu sendiri dengan sihirnya, maka kerana itu apakah yang kamu anjurkan"? [al-Syu'ara: 30 – 35]. Sikap Fir'aun tidak mengambil pandangan mereka tentang Musa as dan sikap terhadap risalah yang di bawanya tetapi sebaliknya Fir'aun telah bertindak menghukum Musa as sebelum bertanyakan pandangan mereka. Sikap Fir'aun ini telah membawa malapetaka kepada diri dan pemerintahannya kerana melakukan pemerintahan atas dasar kezaliman dan penindasan.

Adil adalah nilai kemanusiaan utama yang dibawa oleh Islam dalam mengurus gelagat manusia. Keadilan yang dilihat sebagai memberikan hak kepada yang berhak sama ada yang berhak itu individu dan sekumpulan manusia sama ada muslim atau bukan. Kata Yusuf Qardawi (2000) [6] hak tersebut dalam bentuk apapun sama ada bernilai atau tidak, tanpa melebihi atau mengurangi, sehingga tidak mengurangi haknya dan tidak pula menginayai hak orang lain. Kehadiran para Nabi sebagai utusan Allah swt ada hubungkaitnya dengan dasar ini. Firman Allah swt bermaksud " sesungguhnya kami telah mengutuskan para Rasul kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka al-kitab dan neraca keadilan supaya manusia dapat melaksanakan keadilan [al-hadid:25]. Demikian juga firman Allah swt bermaksud " dan Allah telah meninggikan langit dan meletakkan neraca keadilan. Agar kamu jangan melampaui batas tentang neraca itu. Dan tegakkanlah timbangan dengan adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu" [ al-Rahman: 7 – 9]

Rasulullah saw sendiri membayangkan kepada Abdullah Ibn Amr ra supaya tidak menzalimi diri sendiri dengan sentiasa melakukan ibadat tanpa menghiraukan tentang hak jasadnya. Kata Rasulullah saw sesungguhnya bagi jasadmu ada haknya, bagi matamu ada haknya, bagi keluargamu adahaknya dan bagi tetamumu ada haknya". Islam telah memerintahkan supaya melaksanakan keadilan kepada semua manusia, sama ada terhadap orang yang disayanginya atau terhadap orang yang dibenci, sehingga perasaan sayangnya tidak bersekongkol dengan kebatilan dan perasaan bencinya itu menghalangnya dari berlaku adil. Firman Allah swt bermaksud " wahai orang yang beriman jadilah kamu orang-orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa kamu atau kaum keluarga kamu". [Al-nisa:135] berlaku adil dengan musuh juga satu tanggungjawab ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-Maedah:8. Islam memerintahkan supaya kita berlaku adil dalam perkataan iaitu tidak mengupat, mengkeji, memfitnah dan ini dapat dilihat dalam surah al-An'am ayat 152. adil dalam penyaksian, dan adil dalam memberi keterangan, perkara ini dapat dilihat dalam surah al-Talaq ayat 2, berlaku adil dalam menjatuhkan hukuman dan menghukum firman Allah swt dalam surah al-Nisa ayat 58

Antara bentuk keadilan yang paling jelas dan ditegaskan oleh Islam ialah keadilan sosial. Yusuf al-Qardawi (2000) [6] menyatakan yang dimaksudkan keadilan dalam membahagikan kekayaan, memberi peluang secukupnya kepada anak bangsa, memberi kepada para pekerja hasil titik peluh mereka tanpa diselewengkan oleh mereka yang berkuasa serta berpegaruh, mendekatkan jurang yang luas antara individu dan kumpulan manusia dengan membataskan kerakusan orang-orang kaya serta berusaha untuk mengangkat martabat orang-orang miskin." Imam Nawawi dalam kitabnya al-majmu' dalam mendefinisikan keadilan katanya " Islam telah mensyariatkan hukum-hukum serta mekanisma-mekanisma untuk menjamin lapangan kerja yang sesuai bagi setiap penganggur, supaya yang adil bagi setiap pekerja, makanan yang mencukupi untuk orang-orang yang kelaparan, ubatan yang cukup untuk para pesakit pakaian yang cukup untuk orang yang bertelanjang dan keperluan yang cukup untuk yang memerlukan. Ia meliputi makan-minum, pakaian, tempat tinggal dan semua keperluan asas berdasarkan kesesuaian masing-masing, tidak terlalu banyak atau terlalu sedikit. Ia mencukupi untuk individu dan tanggungannya."

Kebebasan adalah nilai kemanusiaan yang perlu diberi perhatian penting dalam Islam. Kebebasan kata Yusuf Qardawi (2000) [6] dapat melepaskan manusia dari pelbagai bentuk tekanan, kezaliman, penindasan, ugutan, paksaan dan penghinaan serta menjadikan manusia sebagai tuan di alam semester. Kebebasan suatu yang luas merangkumi kebebasan beragama, berfikir, berpolitik, sivil dan kebebasan hakiki. Nilai kebebasan ini amat berguna kepada manusia, kerana ia menjadikan manusia lebih kreatif,

inovatif, berketerampilan, berani dan menjana budaya kerja sendiri. Al-Qur'an mengungkapkan secara jelas tentang kebebasan. Ini dapat dilihat dari firman Allah swt yang bermaksud "maka apakah kamu mahu memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya?" [Yunus:99] dan firman Allah swt bermaksud "tidak ada paksaan di dalam beragama, sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat." [al Baqarah:256]. Umar al-Khattab mengungkapkan "mengapakah engkau memperhambakan manusia pada hal mereka dilahirkan oleh ibu-ibu mereka dalam keadaan merdeka. Demikian juga pandangan daripada Ali ra "janganlah kamu menjadi hamba orang lain sedangkan Allah telah menjadikan kamu sebagai seorang yang merdeka". Kata Yusuf al-Qardawi (2000) [6] jika mereka tidak mampu menentang kezaliman dan penindasan paling tidak mereka hendaklah berhijrah dari tempat mereka, mereka tidak boleh membiarkan diri mereka dihina dengan terus di bawah kuasa yang zalim lagi menindas. Inilah yang disebut oleh Allah swt dalam firmanNya dalam surah al-Nisa ayat 97 – 99.

Mengurus gelagat manusia harus dalam batas nilai persaudaraan. Iaitu manusia hidup di dalam sebuah masyarakat yang saling sayang menyayangi, mewujudkan perhubungan yang erat dan saling membantu. Mereka dihimpunkan oleh perasaan sebagai anak dalam sebuah keluarga yang satu saling menyayang, saling memberi peransang, setiap orang di dalamnya merasakan kekuatan saudaranya adalah kekuatannya, kelemahan saudaranya adalah kelemahannya. Ia akan merasa kecil apabila bersendirian dan berasa banyak apabila bersama-sama saudaranya. Islam melihat iman dan saudara tidak boleh dipisahkan. Ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-Hujurat ayat 10 dan surah Ali Imran ayat 103, juga surah al-Anfal ayat 62 – 63. Rasulullah saw bersabda bermaksud "seorang Muslim itu adalah saudara kepada seorang Muslim yang lain, ia tidak menzaliminya dan tidak menyerahkannya kepada musuh, janganlah kamu saling berhasad dengki, janganlah saling bermusuhan, dan janganlah saling menipu... jadilah kau semua hamba-hamba Allah yang bersaudara".

Perasaan persaudaraan dalam Islam harus dilembayungi oleh kasih sayang. Sifat kasih sayang yang paling rendah adalah besh hati dari perasaan hasad dengki, kebencian dan iri hati kerana sifat itu adalah punca permusuhan dan pertengkaran. Allah swt menganggap sifat permusuhan dan kebencian terhadap orang lain hukumnya sama dengan mereka yang kufur dengan Allah swt ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-Maedah ayat 14 bermaksud "maka kami timbulkan antara mereka permusuhan dan kebencian sehingga hari kiamat. Dan kelak Allah akan memberitahukan kepada mereka". Sabda Rasulullah saw bermaksud "telah melata kepada kamu penyakit umat terdahulu; hasad dengki dan benci-membenci, kebencian itu adalah pencukur. Aku tiak maksudkannya pencukur rambut, sebaliknya pencukur agama."

Selain kasih sayang perasaan persaudaraan dalam mengurus gelagat manusia mesti dipaksikan oleh semangat mendahulukan atau mengutamakan kepentingan saudaranya lebih dari kepentingannya sendiri. Kata Qardawi (2000) [6] ia sanggup belapar semata-mata untuk mengenyangkan saudaranya, ia sanggup berjaga malam semata-mata untuk menidurkan saudaranya, ia sanggup mengerahkan tenaga semata-mata untuk merehatkan saudaranya, ia sanggup menadah dadanya kepada peluru semata-mata untuk menyelamatkan saudaranya. Nilai ini dapat dilihat dari firman Allah swt surah al-Hasyr ayat 9. Nilai persaudaraan dalam mengurus gelagat manusia dapat direalisasikan berdasarkan kepada pelaksanaan syiar seperti kesopanan, memberi salam, beramah-tamah dan saling mengucap tahniah apabila seseorang itu mengesap kesenangan, takziah apabila mereka menerima musibah, menziarahi orang sakit, mengucapkan doa untuk orang yang bersin, saling memberi hadiah dalam kesempatan yang baik, sering bertemu menetap wajah dan bejabat tangan dalam Islam mengharamkan semua bentuk kerosakan akhlak dan kejahatan sosial yang boleh melenyapkan rasa kasih sayang. Seperti menghina mencela, memanggil dengan gelaran yang tidak menyenangkan, mencari kesalahan orang lain, mencari keaiban orang lain, buruk sangka, dan menceritakan keburukan orang lain. Ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-hujurat ayat 11 – 12. Perkara yang amat diperlukan dalam mengurus gelagat manusia dari aspek persaudaraan ialah sifat kesatuan dalam akidan dan keimanan, syiar, ibadat, pemahaman, pemikiran, adab kesopanan, dorongan jwa kesusahaan, budaya social dan nilai kemanusiaan.

Mengurus gelagat manusia mesti berdasarkan ilmu atau kebijaksanaan. Ilmu adalah nilai tertinggi yang dibawa oleh Islam dalam kehidupan manusia. Manusia yang diangkat oleh Allah swt sebagai khalifah mesti dibekalkan dengan ilmu untuk mereka mentadbir manusia yang mempunyai kepelbagaian kehendak.

Islam adalah agama ilmu, al-Qur'an adalah kitab yang mengandungi berbagai ilmu untuk dijadikan sandaran dalam menyelesaikan sebarang masalah. Ini dapat dilihat dari firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 30 – 33 yang bermaksud “ sesungguhnya aku Maha mengetahui apa yang kamu tidak ketahui dan Allah mengajar Adam nama-nama keseluruhannya. Al-Qur'an menolak segala bentuk khurafat, menentang segala bentuk taqlid kepada masa lampau, orang perseorangan, keraguan dan hawa nafsu. Islam tidak menerima sebarang kenyataan melainkan jika disandarkan dan disertakan dengan bukti, fakta yang tepat dan benar. Kerana itu al-Qur'an melihat kajian [*research*] sebagai kewajipan, berfikir satu ibadah, mencari hakikat itu sebagai amalan yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Suasana baru, masalah baru, banyak dan bersimpang siur memerlukan keupayaan kekuatan ilmu untuk mengatasinya. Islam tidak mahu melihat satu kaum yang hanya bergantung harap kepada ketua mereka untuk menentukan daya hidup mereka sebagaimana yang difirmankan oleh Allah swt dalam surah al-Ahzab ayat 67 – 68 bermaksud “ dan mereka berkata, wahai Tuhan kami sesungguhnya kami telah mentaati pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar kami. lalu mereka meyesatkan kami dari jalan yang benar. Wahai Tuhan kami timpakanlah kepada mereka azab dua kali ganda dan kutuklah mereka dengan kutukan yang besar”.

Manusia harus berdiri atas keupayaan dan kemampuan mereka berdasarkan kesempurnaan kejadian yang telah Allah swt berikan. Kata Allah swt “ janganlah kamu mengikut apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya itu akan dipertanggungjawabkan [Isra:36]. Lebih tegas lagi Allah swt menegaskan bahawa kita dilahirkan atas dasar kesempurnaan yang dilembayungi oleh ilmu firman Allah swt bermaksud “ dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberikan kamu pendengaran, penglihatan dan hati...” [al-Nahl:78] Mengurus gelagat manusia tanpa ilmu, akan mendorong manusia melakukan kezaliman, ketidakadilan, kejahatan, kemungkaran, kelemahan dan akhirnya menjurus kepada kemusnahan. Manusia yang mengurus manusia tanpa ilmu akan membentuk sistem pengurus dan kepimpinannya berdasarkan tekanan, penindasan dan kekuatan fizikalnya untuk mencapai sesuatu maksud. Kerana mereka akan bertindak atas dorongan nafsu dan perasaan tanpa dorongan akal yang waras. Sebagaimana firman Allah swt bermaksud “ dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ia akan menyesatkan kau dari jalan Allah swt [ Sad:23]

Sejarah telah mengemukakan bukti yang banyak, manusia yang mengurus manusia lain tanpa berdasarkan ilmu yang benar dan tepat menemui jalan kemusnahan. Tamadun Firaun, tamadun Saba', tamadun Namrud, tamadun Parsi dan tamadun Rum sekalipun mempunyai teknologi kebendaannya yang tinggi sesuai dengan zamannya ketika itu. Akhirnya hilang begitu sahaja sistemnya kerana terbangunnya tamadun mereka tidak berdasarkan sendi ilmu yang benar dan tepat. Malah para pengkaji atau ilmuan juga berpendapat kejatuhan tamadun Islam ada hubungkaitnya dengan kealpaan para pemerintah berpegang dengan tatasusila ilmu yang menjadi paksi kepada kebangunan atau ketamadunan sesuatu bangsa.

#### *Kaedah Mengurus Gelagat Manusia*

Dasar pengurusan Islam yang dikemukakan di atas boleh digunapakai dalam apa juga rupa bentuk pengurusan, sama ada pengurusan secara am, pengurusan kakitangan, pengurusan organisasi dan pengurusan kelakuan atau gelagat manusia. Terdapat beberapa kaedah yang boleh dan telah dikemukakan oleh Rasulullah saw dan diperkukuhkan oleh ulama Islam dalam mengaplikasikan sesuatu dasar yang telah diungkapkan samada melalui sumber al-Qur'an dan al-Hadis. Dasar-dasar yang diemukakan dalam al-Qur'an itu kebanyakannya umum dan memerlukan satu-satu kaedah yang tertentu dalam mengaplikasikannya. Misalnya perintah sembahyang satu lafaz perintah yang umum, tanpa ada penghuraian corak dan gaya sembahyang itu patut dilakukan. Corak dan gaya sembahyang yang ada pada masa ini adalah hasil daripada pengaplikasian yang pernah dilakukan oleh Rasulullah saw. Dalam erti kata lain dasar-dasar yang ada terdapat di dalam al-Qur'an itu akan hanya dapat dilihat dan dikecapi kesesuaiannya apabila wujudnya metod atau kaedah bagaimana perkara itu dapat dilaksanakan dari aspek tekniknya.

Antara pendekatan atau metod yang boleh digunapakai dalam mengendalikan gelagat manusia ialah Niat dan tindakan hendaklah bersamaan. Maksudnya titik terakhir yang hendak dicapai apabila kita melakukan sesuatu perkara menjadi pendorong untuk kita melakukan sesuatu dan kelakuan itu mestilah bersamaan atau sejajar dengan apa yang diniatkan. Nilai akan membentuk norma-norma tindakan, niat



yang baik hendaklah disusuli dengan tindakan yang baik. Dalam ertikata lain pengurusan Islam, atau agama tidak menerima sebarang bentuk tindakan atau gelagat yang berlawanan diantara maksud yang hendak dicapai dengan tatakelakuan pencapaian dalam sesuatu pengurusan. Islam telah meletakkan maksud dan tatakelakuan seharusnya bersamaan. Kaedah ' *al-Ghayah la tubarriru al-Maksudah* [matlamat tidak menghalalkan cara] menjadi satu norma yang wajar diperaku dalam mengurus gelagat manusia. Pemikiran manusia tidak seharusnya dikelirukan dengan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan tujuan yang hendak dicapai. Misalnya serangan Amerika ke atas Iraq sekalipun tindakan Amerika itu 'baik' pada perkiraan mereka, iaitu untuk menyingkir Saddam Husin yang dilihat sebagai pemerintah diktator, tetapi tindakannya memerangi Negara Iraq itu tidak boleh diterima kerana ia menyebabkan berlakunya kemusnahan yang lebih besar kepada Negara dan manusia. *Duble standard* atau cakap lain tindakan lain dalam norma pengurusan gelagat manusia tidak boleh diterima pakai dalam budaya pemikiran pengurusan Islam. Inilah apa yang disebut dalam al-Qur'an ' *kabura maqtan in Dallah an takulu ma la tafalun.*' Cakaplah bagi orang yang berkata tetapi tidak melakukan apa yang mereka perkatakan. Dalam ertikata lain setiap tindakan yang kita lakukan mestilah selari dengan ungkapan yang dilafazkan dan setiap ungkapan atau janji yang dilafazkan hendaklah dilaksanakan.

Dalam melaksana pengurusan gelagat manusia terdapat beberapa kaedah lagi yang boleh diketengahkan untuk diguna pakai. Antara kaedah yang hendak diketengahkan dan boleh digunapakai ialah dimana pengurusan Islam mestilah menekankan corak pentadbiran dalam bentuk beransur-ansur [*tadarruj fi al-Tasyri*] dalam melaksana hukum atau melaksanakan sesuatu tanggungjawab demikian juga dalam melaksana hukum atau melaksana sesuatu tanggungjawab demikian juga dalam melaksanakan sesuatu perubahan dalam masyarakat. Beransur-ansur juga boleh diertikan sebagai melaksanakan sesuatu tahap demi tahap dalam melaksana dan menguatkuasakan keputusan. Menangguhkan sesuatu untuk melaksanakan sesuatu atau menangguhkan sesuatu perkara yang ada faktor yang menyebabkan ianya perlu ditangguhkan merupakan suatu pengurusan yang berhemah dan realistik dengan nilai semasa. Kelakuan ini adalah sebahagian daripada sunnah ilahi yang sudah difitrahkan begitu. Intisari penciptaan alam yang dilakukan dalam lingkungan enam masa [*sittatu al-Ayyam*] bukan bermaksud untuk memperlihatkan kelemahan Allah swt, tetapi sebagai pengajaran kepada manusia sesuatu perkara itu harus dilakukan secara idealnya berdasarkan 'reality' [waq'ie] sezaman dan setempat. Pelaksanaan secara beransur ini perlu dilakukan berdasarkan kepada keupayaan manusia untuk menerima sesuatu dengan kejadian manusia itu dijadikan berbeza. Masa pelaksanaan dan keperluan sesuatu perkara itu adalah berbeza antara satu sama lain di kalangan manusia. Al-Qur'an diturunkan secara beransur-ansur dan tidak diturunkan sekaligus juga menjurus kepada *reality* manusia yang menerimanya ketika itu. Sekalipun Allah swt berupaya melakukannya iaitu dengan menurunkannya sekaligus, apa yang dilakukan itu sesungguhnya ada hubungkaitnya dengan daya kemampuan manusia untuk menerima apa yang terdapat dalam al-Qur'an tersebut.

Demikian juga hukum-hukum ibadat fardiyah diimplimentasikan kepada masyarakat umum mengikut peringkat tahap keupayaan penerimaan masyarakat pada keseluruhannya. Misalnya sembahyang yang diberikan oleh Allah swt kepada Rasulullah saw setahun sebelum hijrah, tetapi dari aspek pelaksanaannya dilakukan dua tahun selepas hijrah Rasul ke Madinah. Hal yang sama juga berlaku apabila hendak menguatkuasakan hukum sembahyang kepada anak-anak melalui proses yang agak lama iaitu tiga tahun. Konsep paksaan kepada anak-anak untuk melakukan sembahyang setelah mereka berumur 10 tahun. Ini dapat diambil dari sabda Rasulullah saw yang bermaksud "ajarkanlah anak-anakmu tentang sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika berumur 10 tahun sekiranya ia tidak melakukan sembahyang". Demikian juga kaedah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah saw dalam mendidik isteri yang melakukan kesalahan. Sekalipun hak cerai [tindakan terakhir] ditangan suami, namun suami tidak boleh menggunakan kuasanya itu secara wawenang. Suami harus mendahainya dengan nasihat diikuti tidak menjamah masakannya, kemudian diikuti tidak tidur bersama dengannya, seterusnya memukulnya dengan cara yang beradab dan akhir sekali barulah menceraikannya. Corak pengurusan yang dikemukakan ini sejajar dengan sifat manusia yang serba kekurangan, dan berbeza antara satu sama lain dalam aspek penerimaan sesuatu perkara yang hendak diterjemahkan dalam kehidupan.

Kaedah selanjutnya yang boleh diterapkan dalam mengurus gelagat manusia ialah mengurus manusia mestilah menggunakan pendekatan mendahulukan perkara yang lebih utama daripada perkara yang dilihat atau ditakrifkan sebagai kurang penting untuk diselesaikan. *Fiqh al-Awlawiyat* [ilmu keutamaan] ini sejajar dengan sistem pengurusan dalam menyelesaikan masalah atau karenah manusia.



Islam telah mengariskan beberapa peringkat keperluan manusia sejajar dengan kehendak manusia mengisi keperluan hidup mereka, sama ada keperluan manusia itu diperingkat daruriyah iaitu keperluan utama yang menjadi asas kepada manusia, dalam erti kata lain sekiranya tidak ada perkara yang diperlukan itu ia boleh menjejaskan nilai atau harga diri kehidupan manusia dari aspek agama, akal, nyawa, keturunan, harta yang manusia miliki. Atau di peringkat hajiyah iaitu keperluan untuk memenuhi keinginan manusia. Untuk memenuhi keinginan ini tidaklah menyebabkan harga diri boleh tercemar, cumanya pada tahap ini keselesaan hidup manusia akan terganggu sedikit dari yang sepatutnya. Misalnya ketidak wujudan makanan sampingan seperti buah-buahan ketika kita makan ia tidak akan menjejaskan nilai dan kualiti hidup manusia. Atau diperingkat tahsiniah iaitu keperluan untuk menyempurnakan atau memenuhi keinginan manusia untuk lebih selesa daripada sepatutnya. Contohnya keperluan rumah bagi rakyat pada asasnya cukup atau memadai 3 bilik dan 2 bilik air, namun untuk lebih selesa keluarga mereka membina rumah dengan 5 bilik tidur dan 4 bilik air.

Walau bagaimanapun keperluan ini berbeza-beza antara individu dengan individu atau satu bangsa dengan bangsa yang lain. Dan boleh berbeza antara wilayah dengan wilayah dan di antara masa dengan masa yang berlainan. Justeru itu pemerintah seharusnya pandai membuat klasifikasi masalah yang hendak diselesaikan menurut urutan keutamaan yang perlu diselesaikan berdasarkan masa, tempat dan manusia yang mendepaninya. Misalnya Rasulullah saw telah menandatangani perjanjian Hudaibiyah dengan puak Quraisyah bagi membolehkan umat Islam menunaikan haji, walaupun haji itu hanya boleh dilakukan setahun selepas perjanjian. Namun sebahagian besar sahabat besar membantah perjanjian itu, kerana isi kandungan perjanjian itu berat sebelah, tetapi Rasulullah saw tetap melaksanakan perjanjian tersebut.

Perbezaan pandangan antara Rasulullah saw dengan sahabatnya berkisar dari aspek kepentingan perjanjian kalau dilihat dari sudut *siasah syariah*. Sementara sebahagian sahabat melihat dari aspek kepentingan isi perjanjian. Bagi Rasulullah saw yang lebih penting ialah berlakunya perjanjian sementara dari segi isi kandungan perjanjian boleh dirundingkan dan ditolak ansurkan. Tepat sekali jangkaan dan tindakan Rasulullah saw ini sesuai dengan kehendak syariat itu diturunkan sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Demikian juga keputusan yang dibuat oleh Khalifah Abu Bakr ra dalam kes memerangi golongan riddah [murtad] sebaik sahaja beliau dilantik menjadi khalifah, sekalipun tindakan beliau itu ditentang oleh Umar al-Khatib dan beberapa orang sahabat besar yang lain melihat dari sudut pertumpahan darah umat Islam, tetapi Abu Bakr tetap melaksanakan keputusannya demi menjaga kesucian dan kemurnian ajaran agama Islam, walaupun terpaksa mengorbankan orang lain. Dua pandangan yang kalau dilihat sepintas lalu kedua-duanya terletak di tahap daruriyah iaitu menjaga kepentingan agama dan menjaga kepentingan nyawa. Persoalannya mengapa Abu Bakr ra memilih memerangi orang yang belum pasti bersalah sesuatu yang masih dipertikaikan oleh sahabat. Disinilah kedudukan *fiqh Aulawiyat* digunapakai keserasiannya, dimanakah yang lebih utama mempertahankan kesucian agama atau nyawa dalam situasi dan kondisi ketika itu?.

Terdapat satu lagi kaedah yang selalu digunakan oleh Rasulullah saw dalam membuat sesuatu keputusan dalam mengurus gelagat manusia iaitu keupayaan membuat pertimbangan yang wajar di antara dua persoalan yang sama penting dan berat. Pendekatan ini lebih dikenali dengan *fiqh al-Muazanat*. Iaitu kaedah dalam membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang rasional dan diterima pakai kepada senario semasa sejajar dengan kehendak dan keperluan umat. kaedah ini juga disebut dengan istilah *fiqh al-Ikhtiar* atau kemahiran dalam membuat pilihan dalam memutuskan sesuatu perkara berdasarkan kepada reality setempat dan kondisi manusia. Iaitu satu keputusan yang dibuat berdasarkan kepada pertimbangan yang paling wajar dan sekiranya berlaku kecacatan atau kerosakkan kepada sesuatu perkara itu, kecacatan itu berlaku dalam batas yang paling mir'ima. Justeru itu setiap keputusan yang hendak dilakukan mestilah setelah melihat dan membuat pertimbangan dari pelbagai aspek berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan dan dari kajian yang mendalam barulah dibuat rumusan untuk membuat keputusan. Contoh Rasulullah saw pernah menasihatkan sahabatnya yang dilantik menjadi hakim agar membuat keputusan dengan adil dengan melakukan pertimbangan yang wajar sehingga tidak memihak kepada mana-mana pihak. Sabda Rasulullah saw bermaksud "janganlah kamu membuat sesuatu keputusan sebelum kamu bertanya kepada pihak yang lain".

Allah swt menyebut dalam al-Qur'an supaya umat Islam sentiasa berhati-hati dan membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap sesuatu berita yang disampaikan kepada mereka supaya berita itu tidak menyebabkan berlakunya sesuatu keburukan yang tidak diingini berlaku dalam masyarakat.

Firman Allah swt bermaksud “ wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang yang fasik membawa sesuatu berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu itu” [Q:49:6] kerana itu umat Islam amat dititikberatkan dengan sifat teliti dalam kerjabuat mereka seharian. Ini yang diperkatakan oleh Rasulullah saw “ aku amat suka umatku yang melakukan sesuatu dengan teliti”. Pengurus Islam mesti menggunakan kekuatan intelektual mereka dalam menyelesaikan sesuatu perkara, mereka tidak boleh menggunakan tuntutan atau dorongan nafsu sebagai landasan untuk memutuskan sesuatu perkara. Sebagaimana terdapat sebahagian dari golongan manusia yang telah menjadikan nafsu mereka sebagai tuhan. [Q:25:43] kerana itu Rasulullah saw menggambarkan berfikir sesaan itu lebih baik daripada mengerjakan solat sunat seribu rakaat. Apa yang berlaku terhadap umat islam hari ini adalah kurangnya berfikir. Apa yang diperkatakan oleh Malik Bennabi sebagai krisis intelektual di kalangan umat Islam, kerana mereka gagal menggunakan sepenuhnya keupayaan akal mereka untuk melakukan sesuatu perkara.

Satu lagi kaedah yang perlu diketengahkan di sini dalam mengurus gelagat manusia ialah institusi atau sistem pengurusan yang diperkenalkan itu mestilah berusaha untuk menutup ruang-ruang yang boleh menyebabkan berlakunya keburukan dalam sesuatu pemerintahan atau pengurusan. Istilah yang selalu disebut dalam ilmu Qawaid *al-Fiqh ialah sad al-Zara'ie*. Pengurus Islam mestilah berusaha sedaya mungkin menutup sebarang bentuk kelemahan, keburukan, penyelewengan, kezaliman dan keaiban organisasi mereka yang boleh menyebabkan berlakunya pertikaian. Umat Islam amat dilarang mempunyai sifat-sifat negatif yang boleh mendatangkan kemudaratan hidup manusia lain seperti adu domba, iri hati, buruk sangka, ria' atau menunjuk-nunjuk, sombong dan angkuh. Kerana sifat ini akan mendatangkan sebarang bentuk kecacatan dalam organisasi. Islam menuntut umatnya supaya memiliki sifat murni bagi menghasilkan sistem pengurusan yang baik. Sifat murni itu tidak akan dapat dilaksanakan melainkan organisasi tersebut mempunyai sistem yang boleh menghidupkan sifat tersebut. Pentarbiyahan adalah jalan yang selalu digunakan oleh Rasulullah saw untuk membina jatidiri anggota organisasi. Tindakan Rasulullah saw memafkan penduduk Mekah setelah berlakunya peristiwa *fath al-makkah* adalah reaksi pertama Rasulullah saw untuk menutup sebarang bentuk tuduhan atau tohmahan terhadap Islam dan umatnya. Malah sikap Rasulullah saw mengistiharkan keselamatan individu yang memasuki rumah Abu Sufian, Masjid dan rumah mereka sendiri adalah satu tindakan untuk mengelak berlakunya peperangan yang boleh mendatangkan kemusnahan umat pada keseluruhannya sama ada umat yang menang lebih lagi umat yang kalah.

Justeru itu aspek komunikasi dalam hubungan antara manusia amat dititikberatkan dalam sistem pengurusan gelagat manusia ini. Berlakunya perhubungan tidak mesra di kalangan anggota masyarakat adalah disebabkan faktor komunikasi yang kurang lancar berlaku dalam masyarakat. Kerana itu Rasulullah saw mendirikan masjid sebagai pusat atau *center* masyarakat saling bertemu. Mempermudahkan perhubungan dan saling mengenali antara satu sama lain. Masjid dijadikan sumber rujukan rakyat dalam pelbagai aspek. Dan masjid juga dijadikan medan pengumuman paling berkesan kepada semua masyarakat disekelilingnya. *Center of relationship* masyarakat harus dilihat sebagai salah satu pendekatan untuk menutup sebarang bentuk keburukan yang berlaku dalam masyarakat itu sendiri yang terdiri dari pelbagai tahap kehidupan. Gelagat manusia dapat diselesaikan oleh Rasulullah saw melalui masjid. Masjid dijadikan persempadanan nilai baik dan murni dengan nilai yang kurang baik, kerana itu manusia diperintah supaya tidak berkata perkataan yang sia-sia atau perkara dunia dalam masjid, kerana nilai tersebut boleh mendatangkan kelakuan yang kurang menyenangkan dalam perhubungan bermasyarakat.

## KESIMPULAN

Dari huraian di atas memperlihatkan bahawa Islam telah menawarkan satu pakej pengurusan gelagat manusia berdasarkan kepada kejadian manusia yang terdiri daripada jasad, ruh dan akal. Pengurusan Islam lebih banyak memfokuskan pengurusan manusia itu harus dilihat manusia itu sebagai manusia yang mempunyai ketiga-tiga elemen yang telah dinyatakan itu. Namun selalunya manusia gagal mengurus manusia kerana mereka mengurus manusia dengan melihat manusia itu sebagai robot yang boleh diperlakukan apa sahaja tanpa melihat manusia itu mempunyai elemen kecerdikan, perasaan dan nilai budi, dan daya kreativiti. Sekalipun dalam masa yang sama mereka juga mempunyai kelemahan, kekurangan dan kedegilan sikap, namun sekiranya mereka diurus dengan serampurna, dan manusia dilihat sebagai paling baik boleh menyumbang kepada ketamadunan bangsa.

Sebagaimana kata pepatah Melayu “ yang pekak menembak meriam, dan yang gatal menebang buluh...” akan memberi impak yang baru kepada sistem dan ketamadunan manusia. Gelagat manusia harus diurus mengikut tataperaturan daripada mana manusia itu dijadikan.

#### RUJUKAN

1. Erikson, E H. 1955. *Childhood and Society*, Jil 50
2. Freud Sigmund. 1953. *The Complete Psychological Work of Sigmund Freud*, London Hogarth Press.
3. Malik Bennabi .1991. *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*, terj Ismail Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, kuala Lumpur.
4. Sheehy, Gail. 1964. *Pathfinders*, New York, Free Press of Glencoe.
5. Skinner, B F. 1955. *Science and Human Behavior*, New York, Macmillan.
6. Yusof Qardawi. 2000. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam*, terj Mohd Zaini Yahya, Penerbit Seribu Dinar, Kuala Lumpur.